



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	25/11/2011

Antara disko dan masalah air bersih di Kelantan

APA sudah jadi di Kelantan? Negeri itu bukan sahaja menghadapi masalah bekalan air bersih sejak sekian lama seperti didedahkan secara terperinci oleh akhbar ini tetapi pada masa sama wujud pusat-pusat hiburan termasuk disko di negeri yang cukup sinonim sebagai negeri serambi Mekah.

Kickdefella (kickdefella.net) menerusi laporan khususnya mendedahkan bahawa Kota Bharu yang dikenali sebagai bandar raya Islam tidak terlepas daripada percambahan pusat-pusat hiburan baik di gedung-gedung mewah sehinggalah kegiatan di bawah pokok.

Blog itu menerusi "Ejen Johnson" dilaporkan telah mengadakan tinjauan di sekitar bandar itu dan mengesahkan bahawa memang wujud beberapa pusat hiburan mewah termasuk disko selain pusat hiburan "murah" seperti di bawah pokok ceri yang beroperasi secara bebas.

"Siapa kata di Kota Bharu bandar raya Islam tiada disko? Siapa kata kerajaan Pas Kelantan berjaya menyelamatkan adik-adik kita dari terbiak (terjebak) dalam budaya kuning? Ejen Johnson tak kata.

"Baru-baru ini Ejen Johnson baru selesai operasi disko-dut (disko dangdut) di Kota Bharu Bandar Raya Islam. Ejen Johnson me-

redah tiga pusat hiburan, dua darinya menghidangkan minuman keras dan satu lagi beroperasi sehingga subuh. Semuanya di Kota Bharu Bandar Raya Islam," kata *Kickdefella*.

Beliau musykil dengan situasi tersebut dan mempersoalkan bagaimana kerajaan Pas Kelantan boleh membenarkan pusat-pusat hiburan tersebut beroperasi sehingga lewat malam serta awal pagi dan adakah itu juga kerana mahu menghormati agama lain sepertimana kebenaran menjual minuman keras di negeri itu.

Mengenai masalah air di Kelantan, beberapa penulis blog turut menyuarakan pandangan antaranya Perak Today (peraktoday.com) yang musykil dengan masalah itu memandangkan kerajaan negeri itu telah diberikan peruntukan RM600 juta oleh kerajaan Persekutuan bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

Katanya, kerajaan Pas Kelantan sepatutnya malu dengan keadaan sedemikian memandangkan masalah bekalan asas kepada rakyat seperti air tidak mampu diselesaikan oleh kerajaan negeri dan Menteri Besar, Datuk Nik Aziz Nik Mat tetapi pada masa yang sama Pas bercakap mengenai

kerajaan berkebakjan.

"Memalukan jika rakyat di negeri bawah naungan Pas sendiri pun tak mampu dijaja kebajikannya. Bekalan asas yang sepatutnya sudah ada berpuluh tahun dulu menjadi isu utama yang tak kunjung selesai, jadi tak perlulah Pas mendabik dada memperjuangkan kebajikan rakyat.

"Ini saja sudah cukup menunjukkan Pas hanya mampu cakap tapi langsung tak serupa bikin. Jangan kata mahu dinilai melalui tanggung jawab pemimpin kepada rakyat, kalau dinilai melalui keperluan agama sekalipun, pemimpin-pemimpin Pas sudah termasuk di kalangan orang yang gagal," katanya.

Blog *Pisau* (pisau.net) pula secara sinis membidas kerajaan Pas Kelantan yang sejak memerintah negeri itu selama 20 tahun, secara konsistennya membekalkan virus E.Coli di setiap rumah secara percuma.

"Kejayaan yang ditempa oleh Nik Aziz sebagai Menteri Besar sudah pasti akan tercatat dalam sejarah negara. Tidak ada mana-mana kerajaan BN (Barisan Nasional) yang mampu menandingi kehebatan kerajaan Pas Kelantan.

"Dasar membekal air kotor yang membawa virus E.Coli adalah inisiatif negeri berkeba-

jikan Pas Kelantan. Di khabarkan ini menjadi punca kejayaan Pas untuk terus menjadi kerajaan di negeri Kelantan," sinis blog ini.

Katanya, rakyat Kelantan yang sekian lama menyokong Pas sudah pasti akan menolak BN daripada menjadi kerajaan kerana seluruh negara yang diperintah parti itu tidak pernah membekalkan virus E.Coli secara percuma sepertimana yang dilakukan oleh Pas Kelantan.

Blog *Malaysia Heaven* (malaysiaheaven.blogspot.com) pula dengan sinis berkata, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak perlu berjanji dengan rakyat Kelantan untuk menyelesaikan masalah air jika mereka memberi mandat kepada BN kerana rakyat negeri itu tidak akan menerimanya.

Katanya, adalah lebih baik BN memberikan tumpuan kepada negeri-negeri dan kawasan yang masih ramai menyokong dan menyayangi BN daripada membantu mereka yang membenci UMNO dan BN.

"TPM (Timbalan Perdana Menteri) janji nak selesaikan masalah air di Kelantan kalau rakyat Kelantan bagi mandat? Simpan sajalah niat baik itu, Tan Sri. Mereka tidak akan terima punyalah. Mereka hina kita lagi adalah.

Biarkan rakyat Kelantan dengan angan-angan mat jin mereka itu," katanya.

Blog *Juri Rakyat* (jurirakyat.blogspot.com) berkata, masalah bekalan air bersih merupakan isu yang besar dan berat yang masih belum ditangani oleh kerajaan Pas Kelantan walaupun isu tersebut sudah berlarutan sejak sekian lama.

"Rakyat harus sedar ke mana wang kerajaan negeri dibelanjakan. Sultan Kelantan telah menegur corak pentadbiran Nik Aziz yang rakus kepada rakyat. Sultan juga cuba menyindir Menteri Besar Kelantan jangan berselindung di sebalik agama untuk mencuri wang rakyat.

"Pas (juga) jangan bongkak dengan mengatakan parti mereka paling bersih dengan gejala rasuah. Tengok diri sendiri dulu sebelum mengata orang. Orang (penyokong) Pas banyak yang sudah sedar tetapi puak-puak ketua-ketua Pas yang gila kuasa sahaja tidak sedar kerana diulik oleh pangkat dan kuasa, masih menghasut rakyat yang tidak berdosa untuk memberi sokongan kepada Pas," katanya.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL
lukman@utusan.com.my